



# BULETIN KEJURUTERAAN

EDISI 5/ 2012 / SEPTEMBER/ OKTOBER

## KATA PENGANTAR

Assalamualaikum dan Salamsejahtera

Ini adalah buletin edisi ke 5 untuk tahun 2012. Sepanjang bulan September dan dan Oktober pelbagai aktiviti telah dijalankan di Fakulti.

Program haluaniswara yang telah diadakan pada 4 – 6 September di peringkat Fakulti telah menerima pelajar baru untuk pelbagai program kejuruteraan. Tahniah kepada pelajar-pelajar yang terpilih mengikuti pengajian kejuruteraan di Universiti Malaya. Fakulti juga telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Dekan Semester 2, sesi 2011/2012 kepada pelajar-pelajar yang berjaya memperolehi gred PNG 3.7 ke atas.

Fakulti juga telah menandatangani dua perjanjian persefahaman (MOU) dengan JWRI, University of Osaka, Jepun dan Universiti Atılım, Turki.

Selain itu Fakulti juga telah menerima lawatan Universiti dari luar negara seperti Vietnam, Libya, Sudan dan Jepun.

Pihak Fakulti juga ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada staf akademik yang telah berjaya memenangi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2012. Mereka yang berjaya ialah Pemangku Dekan, Prof. Madya Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan, Prof. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukur, Prof. Dr. Saidur Rahman Abdul Halim dan Prof. Dr. Sulaiman Wadi Harun. Ucapkan tahniah sekali lagi kepada Prof. Dr. Saidur Rahman yang telah dinaikkan pangkat kejawatan Professor.

Pada pembentangan bajet 2013, baru-baru ini kerajaan telah bersetuju untuk memberi bonus satu setengah bulan gaji kepada semua penjawat awam. Semoga dengan insentif yang diberikan kita akan terus mengekalkan prestasi cemerlang di tempat kerja.

Sempena bulan Zulkaedah 1433 yang merupakan bulan umat Islam mengerjakan ibadat Haji, buletin kejuruteraan ingin mengucapkan selamat mengerjakan ibadat haji kepada staf yang terlibat semoga selamat pergi dan kembali. Tidak lupa juga selamat menyambut Hari Raya Aidil Adha kepada semua yang beragama Islam.

Sekian.

## TAHNAH

Pihak Fakulti mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2012



Prof. Madya Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan

Kategori

1. Pensyarah Cemerlang (Sains)
2. Pengurusan Akademik Terbaik  
(Pusat Tanggungjawab Akademik dan Bukan Akademik)



Prof. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukur

Kategori

Pengkormersilan



Prof. Dr. Saidur Rahman Abdul Hakim

Kategori

Staf Akademik Dengan Petikan  
Terkumpul Tertinggi



Prof. Dr. Sulaiman Wadi Harun

Kategori

Jurnal Paling Dipetik (Sains)

Pejabat Timbalan Dekan (Pembangunan), Tingkat 2, Menara Kejuruteraan  
Tel : 03 79675202, Faks : 03 79677621, Laman Web: <http://engine.um.edu.my>  
Email : [engine@um.edu.my](mailto:engine@um.edu.my)

## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL SENARAI DEKAN SEMESTER 2 SESI 2011/2012



**P**ada 19 September 2012 bertempat di dewan Kuliah 6, Menara Kejuruteraan telah berlangsung Majlis Penyampaian Sijil Senarai Dekan untuk Semester 2, Sesi 2011/2012.

Seramai 213 orang pelajar dari pelbagai program telah berjaya memperolehi gred PNG 3.7 ke atas. Terdapat peningkatan bilangan pelajar yang lulus dengan cemerlang berbanding dengan Semester 1. Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka yang berjaya.

Ucapan ringkas telah disampaikan oleh Professor Dr.A.S.M.A Haseeb, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanik yang mewakili Pemangku Dekan



Fakulti Kejuruteraan dan seterusnya penyampaian sijil kepada pelajar. Turut hadir menyampaikan sijil ialah Dr. Rozita Yusoff, Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia, Professor Madya Dr. Judha Purbalaksono mewakili Ketua Jabatan Rekabentuk dan Pembuatan, Dr. Nur Azah Hamzaid mewakili Ketua Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan dan Dr. Kamarul Ariffin Noordin yang mewakili Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

## MINGGU HALUANSISWA FAKULTI KEJURUTERAAN SESI 2012/2013



**P**ada 4-6 September 2012 telah berlangsung minggu haluansiswa untuk pelajar baru ijazah pertama kemasukan sesi 2012/2013 di Fakulti Kejuruteraan. Fakulti telah menerima kemasukan pelajar baru bagi pelbagai program kejuruteraan seramai 411 orang, daripada 3335 pelajar baru yang mendaftar di Universiti Malaya. Seramai 17 orang adalah pelajar dari luar negara. Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada semua pelajar yang berjaya menempatkan diri di Fakulti Kejuruteraan.

Sepanjang minggu haluansiswa tersebut pelbagai program diadakan serentak di peringkat universiti dan Fakulti. Antara program yang telah disusun oleh pihak Fakulti ialah sesi Taklimat Dekan bersama pihak Pengurusan Fakulti. Ucaptama bagi majlis tersebut disampaikan oleh Pemangku Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Prof. Madya Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi), Professor Ir Dr. Abdul Aziz Abdul Raman, Pemangku Timbalan Dekan (Ijazah Dasar), Dr. Hazlie Mokhlis, Pemangku kepada Pemangku Dekan (Pembangunan), Dr. Noor Azizi Mardi, ketua-ketua jabatan dan tenaga kerja Pejabat Dekan.

Para pelajar juga berkesempatan bersuaikenal dengan Ketua-ketua Jabatan dan pensyarah masing-masing melalui program bersama jabatan. Pelajar juga telah diberi taklimat keselamatan tentang keselamatan makmal di fakulti oleh Pegawai Sains, Encik Alias Abdullah.

Kepada kakitangan Pejabat Dekan diucapkan tahniah dan syabas kerana telah bertungkus lumus menjayakan program haluansiswa ini dengan jayanya.

# TAHNIAH

Fakulti telah memenangi cenderahati **BOOTH PALING MENARIK** sempena **KARNIVAL JOM MASUK UM 2012**



## CENDERAHATI UNTUK PARA PEMENANG SEMPENA KARNIVAL JOM MASUK UM 2012

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Karnival Jom Masuk Universiti Malaya 2012 telah berlangsung dengan jayanya pada 18 dan 19 Mei 2012 yang lalu di Dewan Tunku Canselor.

Sebanyak 7 anugerah telah diumumkan di penghujung karnival tersebut dan senarai pemenang adalah seperti di bawah:

- (i) **BOOTH PALING MENARIK - FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT**
- (ii) **BOOTH PALING MENARIK - FAKULTI KEJURUTERAAN**
- (iii) **BOOTH PALING POPULAR - FAKULTI PENDIDIKAN**
- (iv) **BOOTH PALING POPULAR - FAKULTI EKONOMI & PENTADBIRAN**
- (v) **BOOTH PALING KOMITED - FAKULTI SAINS**
- (vi) **BOOTH PALING KOMITED - AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
- (vii) **ANUGERAH KHAS DEKAN IPS - PUSAT KEBUDAYAAN**

## MOU



**MOU Singning Ceremony between Faculty of Engineering UM and the Joining and Welding Research Institute (JWRI), University of Osaka, Japan, tarikh : 5 September 2012, masa : 2.30 petang, tempat : Bilik Persidangan, Menara Kejuruteraan.**

## BENGGEL SERONOK BEKERJA



Pada 28 – 29 September 2012, Pejabat Dekan telah menganjurkan satu bengkel bertajuk “Bengkel Seronok Bekerja” di Lotus Desaru Beach Resort, Kota Tinggi, Johor. Bengkel ini bertujuan untuk memberi motivasi kepada staf untuk melahirkan perasaan seronok di tempat kerja sekali gus menaikkan semangat bekerja dengan tekun dan berdikari.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya sesi motivasi bersama Dekan dan TD(A) yang merangkap TD (P), acara sukaneka dan latihan dalam kumpulan.

Diharapkan melalui bengkel seperti ini, ia dapat memberi peluang kepada staf untuk berehat dan melepaskan tekanan dari kesibukan di pejabat selain dapat mengeratkan hubungan sesama ahli rakan sekerja di pejabat.



**MAJLIS "GRADUATION NITE 2012" FAKULTI KEJURUTERAAN ,  
30 September 2012, One World Hotel, Petaling Jaya.**



**LAWATAN Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR HJ BAHAROM (B),  
PADA 8 OKTOBER 2012, KE FAKULTI KEJURUTERAAN**



## Aktiviti- aktiviti bulan September dan Oktober 2012



Lawatan TNC(Akademik) , tarikh : 3 September 2012, masa : 11.00 pagi, tempat : The Cube, Menara Kejuruteraan.



A Research Talk by Prof. J.F.Zhang from Liverpool John Moores University, tarikh : 3 September 2012, masa : 2.00 petang , tempat : DK 6, Menara Kejuruteraan.



Industrial Talk oleh pihak SIRIM Berhad, tarikh: 3 Oktober 2012, masa : 2.00—3.00 petang, tempat: DK 6, Menara Kejuruteraan.

## LAWATAN DARIPADA LUAR NEGARA



Lawatan dari Ho Chi Minh City, University of Technology (HCMUT), Vietnam, tarikh : 6 September 2012, masa: 9.30pagi, tempat : Bilik Persidangan, Menara Kejuruteraan.



Lawatan dari Nagaoka University of Technology ,Jepun, tarikh : 8 Oktober 2012, masa : 8.30 pagi, tempat : The Cube



Lawatan oleh Presiden ,Universiti Kordofan, Sudan, tarikh : 10 Oktober 2012, masa : 10.00 pagi, tempat : The Cube



Lawatan dari SAAB Group,Sweeden, tarikh : 22 Oktober 2012, masa : 3.00 petang , tempat : Bilik Persidangan, Menara Kejuruteraan.